



**JABATAN PERTANIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang 221603** - Mencetak Label, Poster, Pelekat dan Iron On **ATAU 221604** - Mencetak Label, Poster dan Pelekat (Plastik) **ATAU 221615**- Rekabentuk Percetakan (Printing Design) yang masih berkuatkuasa bagi menyertai Sebutharga seperti berikut:

NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG
PPNS (LABEL&PEMBUNGKUSAN) 05/2024 (N)	Perkhidmatan Mencetak, Membekal Dan Menghantar Label Serta Pembungkusan Produk Usahawan Industri Asas Tani Bagi Projek (Pembangunan Negeri) Ke Jabatan Pertanian Negeri Sembilan Tahun 2024 (Perincian adalah seperti di lampiran Dokumen Tender)	221603 ATAU 221604 ATAU 221615

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati mulai **23 Mei 2024 hingga 29 Mei 2024** pada waktu pejabat mulai pukul **8.00 pagi hingga 4.00 petang** di alamat **Jabatan Pertanian Negeri, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Sebutharga .
2. Dokumen Sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** secara **TUNAI** sahaja dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.
3. **TAKLIMAT:**
Satu sesi taklimat akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : **23 Mei 2024 (Khamis)**
Masa : **10.00 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat,
Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan.**
4. Kehadiran pada sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini boleh menyebabkan tawaran Sebutharga **TIDAK** dipertimbangkan dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan.

5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan di sebelah atas kiri sampul surat **No. Sebutharga** dan **Tajuk Sebutharga** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**JABATAN PERTANIAN NEGERI,
TINGKAT 3, BLOK D, WISMA NEGERI,
70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Tarikh tutup tidak lewat dari dari jam **12.00** tengah hari pada **29 Mei 2024**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.



Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus